



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Penyiap (mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Yang Dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Taraf Bumiputera dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan membuat tawaran bagi kerja berikut :

Bil	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh Dan Tempat Taklimat Tender & Lawatan Tapak	Tarikh Dan Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh Dan Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
1	PENYIAPAN BAKI KERJA BAGI PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL KUALA KANGSAR KEPADA KOLEJ VOKASIONAL KUALA KANGSAR, PERAK KP(BP-T) Ten.28/2024	<ul style="list-style-type: none">◆ Mempunyai Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)◆ Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)◆ Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera Dikeluarkan BPKU◆ Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Yang Dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya◆ Berdaftar Dengan CIDB: Gred G7◆ Kategori: B, CE◆ Pengkhususan: B04, CE21	<p>07 Januari 2025 (Selasa)</p> <p>Pendaftaran: Masa: 9.30 – 11.00 pagi</p> <p>Taklimat: Masa: 11.00 pagi</p> <p>Tempat Taklimat: KV KUALA KANGSAR, PERAK</p> <p>Lawatan Tapak Akan Diadakan Selepas Sesi Taklimat Tender.</p> <p>Kehadiran taklimat tender dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN</p>	<p>15 Januari 2025 (Rabu) hingga 16 Januari 2025 (Khamis)</p> <p>Tempat: Kaunter Jualan Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p>05 Februari 2025 (Rabu) Sebelum jam 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Bilik Peti Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p>RM500.00 (Pendrive) (Tidak akan dikembalikan)</p>

2 Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.00 tengah hari sahaja

3 Pendaftaran sesi taklimat dibuka pada jam 9.30 pagi sehingga 11.00 pagi. **Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender.** Kontraktor yang hadir ke Taklimat Tender hendaklah membawa bersama sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), **Sijil Kontraktor Penyiap, Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera. PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI. Pengarah syarikat yang sah dan/atau penama** di dalam sijil **diwajibkan** menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak.

4 Penjualan dokumen tender hanya akan dibuat kepada **kontraktor yang telah hadir ke sesi taklimat tender** atau **wakil sah kontraktor** dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa** dan sijil-sijil **ASAL Sijil Kontraktor Penyiap, Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera.** Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan (tidak dikembalikan).

5 Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** berpaling dalam **BANK DRAF SAHAJA.** Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

6 Dokumen Meja Tender akan disediakan untuk rujukan pada waktu pejabat di **Kaunter Jualan Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya** sehingga tarikh tender dijadualkan ditutup.

7 Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender ditulis di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :-

**KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
BILIK PETI TENDER, BAHAGIAN PEMBANGUNAN,
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.**

8 Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

9 Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.